

KPKT PULIHKAN PANGSAPURI TAMAN KRISTAL, SELAYANG, SELANGOR



Pada 21 Mei 2017, Tan Sri Noh bin Haji Omar (Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan) dalam lawatan kerjanya ke Pangsapuri Taman Kristal di Selayang, Selangor mengumumkan bahawa Kerajaan Persekutuan akan menyalurkan peruntukan sebanyak RM22 juta untuk membaik pulih pangsapuri itu yang terbengkalai sejak 16 tahun lalu.

Melalui pengumuman ini, 450 orang pembeli unit-unit kediaman di pangsapuri ini menarik lega kerana mendapat pembelaan daripada KPKT.

Kerja-kerja membaik pulih akan dilaksanakan pada tahun ini dan perunding projek yang dilantik oleh KPKT akan membuat penilaian bagi mengenal pasti jenis pembaikan yang perlu dilaksanakan.



Sumber: Unit Komunikasi Korporat, KPKT